

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN

TARIKH: 6 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan memandangkan bahawa terdapat masih ramai belia-belia, para graduan yang masih mencari pekerjaan, berapa banyak peluang pekerjaan dan kekosongan kerja yang telah diwujudkan di negeri Sabah khususnya dalam tahun 2015 dan apakah pecahan lain-lain kerja yang tersedia itu supaya makluman-makluman ini didedahkan dengan jelas kepada penganggur di Sabah.

PR-1323-L65255

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia termasuklah di Sabah.
2. Peluang-peluang pekerjaan dan **kekosongan mengikut sektor** yang ditawarkan oleh majikan di Sabah dalam Portal

Jobsmalaysia pada tahun 2013 adalah sebanyak **140,554** dan pada tahun 2014 dari Januari hingga Jun adalah sebanyak **73,441**.

Jadual 1: Kekosongan jawatan mengikut sektor dalam JobsMalaysia pada tahun 2013 sehingga Jun 2014

Sektor	Tahun 2013	Tahun 2014 (jan-jun)
Sektor Perladangan / Pertanian	95,598	49,178
Sektor Perkilangan / Pembuatan	9,991	5,786
Sektor Pembinaan	19,669	9,564
Sektor Perkhidmatan	14,106	8,195
Lain-lain Sektor	1,190	718
JUMLAH	140,554	73,441

3. Kekosongan mengikut jawatan pula pada tahun 2013 sehingga Jun 2014 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Kekosongan jawatan mengikut jawatan dalam JobsMalaysia pada tahun 2013 sehingga Jun 2014

JAWATAN	2013	JAN-JUN 2014
PEGAWAI KANAN DAN PENGURUS	544	314
PROFESSIONAL	2,891	1,366
JURUTEKNIK DAN PROFESSIONAL BERSEKUTU	737	553
PEKERJA PERKERANIAN	778	374
PEKERJA PERKHIDMATAN. PEKERJA KEDAI DAN JURUJUAL	2,470	1,979
PEKERJA MAHIR PERTANIAN DAN PERIKANAN	4,559	1,289
PEKERJA PERTUKANGAN DAN YANG BERKAITAN	2,203	1,178
OPERATOR LOJI DAN MESIN DAN PEMASANG	780	575
PEKERJA ASAS	125,592	65,833
JUMLAH KESELURUHAN	140,554	73,441

4. Daripada tren kekosongan jawatan mengikut sektor dalam **JobsMalaysia** di Sabah, dijangkakan pewujudan jawatan-jawatan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

- a. Sektor Perladangan dan Pertanian merupakan penyumbang tertinggi di dalam permintaan guna tenaga di Sabah setiap tahun. Ini adalah kerana sektor perladangan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Sabah.
- b. Sektor Pembinaan merupakan permintaan guna tenaga kedua tertinggi di Sabah melihat kepada pembangunan infrastruktur pelancongan.
- c. Dijangkakan pada tahun 2015, permintaan yang tinggi dalam sektor perkhidmatan untuk jawatan-jawatan di dalam industri gas dan minyak yang tertumpu di kawasan Kimanis, Papar sehingga Daerah Sipitang.